

Malaysia Pertimbang Pemerolehan Vaksin COVID-19 Cansino Satu Dos


📅 8 March 2021 📁 [Berita Lain](#)

PUTRAJAYA, 8 Mac – Malaysia mungkin akan meneruskan proses pemerolehan vaksin COVID-19 CanSino dari China yang merupakan vaksin satu dos, kata Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata vaksin CanSino itu merupakan pilihan lebih baik daripada vaksin Johnson & Johnson, yang juga satu dos, memandangkan syarikat farmaseutikal Amerika Syarikat itu hanya dapat menghantar bekalan vaksin pada suku keempat tahun ini.

"...jadi kita akan percepatkan rundingan dengan CanSino supaya kita dapat vaksin satu dos dalam portfolio kita," katanya pada sidang media bersama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba mengenai perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, di sini hari ini.

Menurut laporan media, China melancarkan vaksin COVID-19 satu dos, Ad5-Ncov, yang merupakan vaksin vektor adenovirus dibangunkan secara kerjasama antara syarikat bioteknologi China CanSino Biologics dan sekumpulan penyelidik.



[f](#) Facebook

Likes Like Kami

[t](#) 147075

Followers

[i](#) Follow Kami

Instagram



Malaysia
setakat ini
telah
mendapa
t akses
bekalan
vaksin

COVID-19 melalui fasiliti COVAX dan pembelian awal daripada lima pengeluar vaksin COVID-19 termasuk vaksin dua dos merangkumi vaksin syarikat Pfizer-BioNTech, AstraZeneca, Sinovac Life Sciences Co Ltd (Sinovac) serta CanSinoBIO, dan vaksin satu dos daripada Sputnik V.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata Malaysia mungkin juga tidak akan meneruskan proses pemerolehan vaksin COVID-19 Johnson & Johnson dan perkara itu akan dimuktamadkan pada mesyuarat Khamis ini.

"Kita mungkin tidak meneruskannya. Mereka hanya dapat memberikan dua juta dos pada akhir tahun ini dan bagi kita, sudah terlambat," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga dalam usaha mengadakan rundingan untuk membawa masuk vaksin buatan Novavax dari Amerika Syarikat yang ujian klinikal dijalankan di United Kingdom mendapati vaksin dua dos itu mempunyai tahap keberkesanan sebanyak 89.3 peratus.

Khairy berkata setakat ini Malaysia telah menerima 520,650 dos vaksin Pfizer-BioNTech dan akan menerima bekalan tambahan vaksin itu pada 11 Mac ini.

Bagi vaksin Sinovac pula, 100,000 dos bekalan produk akhir vaksin dari Beijing itu akan diterima pada 15 Mac ini diikuti tambahan 100,000 dos produk akhir pada 19 Mac.

Khairy berkata beliau akan menjadi individu pertama yang akan menerima suntikan vaksin Sinovac.

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada 2 Mac meluluskan pendaftaran secara bersyarat bagi tiga vaksin COVID-19 untuk kegunaan semasa bencana iaitu COVID-19 Vaccine AstraZeneca Solution for Injection;

Followers



Follow Kami

Youtube

Subscribers



Langgan

Telegram

Telegram



Sertai Kami

Linkedin

connections



Ikuti Kami

RSS Subscribe

Langgan



CoronaVac Suspension for Injection – Sinovac; dan
COMIRNATY Concentrate for Dispersion for Injection.

Sementara itu, Dr Adham yang ditanya sama ada telah menerima laporan mengenai kesan sampingan selepas suntikan vaksin COVID-19, berkata tiada kes serius dilaporkan berlaku dalam kalangan penerima vaksin.

Katanya terdapat kesan minimum seperti sakit lengan dan situasi tersebut tidak membimbangkan.

Setakat ini, seramai 139,720 orang telah diberi vaksin dos pertama jenis Pfizer-BioNTech. – *BERNAMA*

Berita Berkaitan

[Pendaftaran
Vaksinasi COVID-
19 Tiada Had
Tamat, Sehingga
Capai Sasaran
SEPANG, 21 Feb -
Pendaftaran
untuk vaksinasi
COVID-19 tidak
akan ditamatkan
21 February 2021](#)

[Kelulusan Vaksin
COVID-19 Sinovac
Perlu Penilaian
Proses
Pengilangan
KUALA LUMPUR,
27 Feb - Vaksin
COVID-19 Sinovac
keluaran China
yang diterima
27 February 2021](#)


[Program
Imunisasi COVID-
19 Mungkin
Selesai Sebelum
Akhir Tahun Ini -
Khairy
Jamaluddin
24 February 2021](#)

[« Fasiliti KKM Mampu Kendali Pemberian Vaksin COVID-
19 Kepada Jemaah Haji – Dr Adham
Nampak Gaya Menteri Mahu 'Backup' Diri... Dasar Sesuka
Hati, Menteri 'Flip Flop' Tidak Benar? – Zahid »](#)

Berita Terkini

- [Pinda Satu
Tuduhan, Zahid
Sifatkan Tindakan
Pendakwa Untuk
Beratkan Hukuman](#)
- [Jangan
Dijatuhkan Orang
Yang Sedang
Menaikkan UMNO
– Zainal Abidin](#)
- [Zahid Sambut
Baik Usaha PUNB
Bantu Individu
Diberhentikan
Kerja, Kerajaan
Perlu Beri Geran
Bantuan](#)
- [Penglibatan
Orang Muda Dalam
Parti Pengkhiran
Besar UMNO –
Khairi](#)
- [Nampak Gaya
Menteri Mahu
'Backup' Diri... Dasar
Sesuka Hati,
Menteri 'Flip Flop'
Tidak Benar? –
Zahid](#)
- [UMNO Pandang
Serius Kandungan
Buku Teks Sejarah
Tingkatan 4 Tidak
Tepat – Ahmad
Maslan](#)
- [Mohon
KPDNHEP 'Riki-riki'
Harga... Janganlah](#)

Rakyat Terus
Dibebani – Zahid

- UMNO Terus Bertahan Walau Diacu "Pisau, Pen Dan Buku Cek"
- Zahid Ucap Selamat Hari Wanita Sedunia, Wanita Penggerak Kemajuan, Pembangunan Negara
- Wanita UMNO Sedia Galas Cabaran Politik Semasa Negara – Norshida

Video Terkini

- Solidariti UMNO
- Sembang Santai 'Apa Cerita Orang Muda' anjuran Pemuda UMNO Bahagian Johor Bahru
- ISNIN 8 MAC 2021 – BERITA PUMAS 5@5
- Ini Jalan Yang Kita Pilih – Kita Buat Jalan Bagi Cantik
- ROMBAKAN KABINET MINGGU DEPAN UNTUK PECAT MENTERI UMNO ? – ISHAM JALIL
- Berhati-Hati Bila Memberi Kenyataan
- UMNO Malaysia menjemput semua

warga Malaysia
bersama meraikan
Sambutan Jubli
Intan UMNO
◦ Parti Ambil Kira
Pelbagai Sudut –
Shahril
◦ Tanggapan
UMNO Lebih
Berpolitik
Tanggapan
Tersasar – Shahril
◦ Tidak Ada Janji
Pemberian Kontrak
Kepada MyEG –
Hamidi Mohd Noh

Podcast Terkini

- ISNIN 8 MAC
2021 – BERITA
PUMAS 5@5
- JUMAAT 5 MAC
2021 – BERITA
PUMAS 5@5
- KHAMIS 4 MAC
2021 – BERITA
PUMAS 5@5
- RABU 3 MAC
2021 – BERITA
PUMAS 5@5
- SELASA 2 MAC
2021 – BERITA
PUMAS 5@5





UTAMA | KEMASKINI | PENAFIAN & PRIVASI | DIREKTORI & ALAMAT |
UMNO | BN | HUBUNGI KAMI |

Powered by WordPress and Smartline.